



KENANGAN: Sesi bergambar bersama pengetua dan warga Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher.

JAKMAS KKAF adakan majlis ramah mesra

UB 24.10.2019 15
KOTA KINABALU:

JAKMAS Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher (KKAKF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menganjurkan Sesi Ramah Mesra Bersama Pengetua dan Penganal JAKMAS Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher bagi sesi 2019/2020.

Program ini melibatkan hampir 100 orang warga Kolej Kediaman yang mana ia melibatkan kumpulan pelajar tempatan dan antarabangsa bersama-sama turun memeriahkan sesi berkenaan bersama sama dengan kakitangan Pengurusan dan

Pentadbiran HEP Kolej Kediaman.

Di dalam sesi itu, pengetua baharu Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher memberikan sedikit perkongsian pengetahuan dan pengalaman beliau sepanjang menjadi Pengetua Kolej Kediaman sebelum ini.


Dalam masa yang sama beliau turut memperkenalkan kepimpinan JAKMAS baharu Kolej Kediaman berkenaan yang diwakili oleh gabungan pelajar tempatan dan antarabangsa.

Menurut Pengarah Program dan juga merupakan Exco JAKMAS KKAKF

Vickneswari A/P Ravichandran, melalui program ini pelajar KKAKF iaitu pelajar tempatan dan antarabangsa bersama-sama turut menjayakan program itu.

Ddi samping mendapat amarat baharu dari pengetua Kolej Kediaman mereka juga turut mengemukakan beberapa soalan kepada Pengurusan dan Pentadbiran HEP KKAKF dan dijawab dengan baik oleh pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP.

Program ini juga turut dihadiri oleh Pentadbiran HEP Kolej dan barisan felo Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher.



BERSAMA PENGETUA BAHARU: Sesi bergambar bersama-sama dengan Pengetua baharu KK1B Wijaya Kamal Ramlan.